

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBERI JAMINAN DI DEWAN RAKYAT BAHWA HANYA BIASISWA PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT BERAT DALAM DEMONSTRASI BARU-BARU INI AKAN DITARIK BALIK.

SEMENTARA PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT TETAPI TIDAK DITARIK BALIK AKAN DIKENAKAN SYARAT TAMBAHAN YANG BARU.

MENTERI PELAJARAN MENJELASKAN DEMIKIAN DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) YANG MEMINTA JAMINAN KERAJAAN SUPAYA JANGAN MENARIK BALIK BIASISWA PELAJAR-PELAJAR.

DR. CHEN MENCADANGKAN SUPAYA DITUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA PARLIMEN DENGAN DIANGGOTA OLEH SEMUA PARTI UNTUK MENGAJUI LATAR BELAKANG YANG MENAKIBATKAN DEMONSTRASI ITU SERTA MENGANALISA ISSUE-ISSUENYA.

DR. MAHATHIR BERKATA PENUBUHAN JAWATANKUASA SEPERTI ITU TIDAK PERLU KERANA KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH MENGENAINYA.

KATANYA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENARIK BALIK BIASISWA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM DEMONSTRASI. TINDAKAN INI DIAMBIL KERANA MEREKA TELAH MELANGGAR SYARAT-SYARAT PERJANJIAN BIASISWA MEREKA.

KATANYA LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MEMBERITAHU PELAJAR YANG TERLIBAT AKAN TUJUAN KERAJAAN HENDAK MENARIK BALIK BIASISWA MEREKA. PELAJAR-PELAJAR INI MESTILAH MEMBERI SEBAB-SEBAB MENGAPA BIASISWA MEREKA TIDAK PATUT DITARIK, DALAM MASA DUA MINGGU DARI TARIKH NOTIS KERAJAAN DITERIMA. -- BERSAMBUNG 1951/YF

632

PARLIMEN-BIASISWA 2 KUALA LUMPUR

SELAIN DARIPADA ITU PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT AKAN JUGA DIPANGGIL UNTUK TEMUDUGA DI HADAPAN LEMBAGA YANG DILANTIK OLEH BADAN-BADAN PERAJA.

PELAJAR-PELAJAR YANG TERLIBAT SERIUS SAHAJA AKAN DITARIK BALIK BIASISWA MEREKA SEMENTARA YANG LAIN AKAN DIBERI BALIK DENGAN SYARAT SYARAT PERJANJIAN TAMBAHAN.

SEMENTARA ITU DALAM SATU JAWAPAN BERTULIS YANG LAIN MENENTENKAN PERTAHANAN, TUN RAZAK BERKATA SERAMAI 3,596 BEKAS PERAJURIT TELAH MENDAPAT PELUANG MENYERTA RANCANGAN TANAH FELDA, 1,337 RANCANGAN TANAH PINGGIR.

SERAMAI 240 PULA SEDANG MENYERTA RANCANGAN TANAH KHAS DI SUNGAI KOYAN, PAHANG.

KATANYA 20 PERATUS PENYERTAAN DI RANCANGAN FELDA DAN FELCRA DAN 15 PERATUS DI RANCANGAN TANAH PINGGIR DI KHASKAN KEPADA BEKAS ANGGOTA TENTERA. -- BERNAMA 1954/YF